

# KULIAH ZOHOR

**“Mengandaikan Masa Hadapan”**

**Masjid Maarof | 6 Mac 2019**

Muhammad Haniff Hassan

[ismhaniff@ntu.edu.sg](mailto:ismhaniff@ntu.edu.sg) / [www.haniff.sg](http://www.haniff.sg)

# Matn (Teks) Hadis

حديث حذيفة بن اليمان رضى الله عنه قال : كان الناس يسألون رسول الله صلى الله عليه وسلم عن الخير وكنت أسأله عن الشر مخافة أن يدركني فقلت يا رسول الله إنا كنا في الجاهلية وشر فجاءنا الله بهذا الخير فهل بعد هذا الخير شر قال نعم فقلت هل بعد ذلك الشر من خير قال نعم وفيه دخن قلت وما دخنه قال قوم يستنون بغير سنتي ويهدون بغير هدي تعرف منهم وتنكر فقلت هل بعد ذلك الخير من شر قال نعم دعاة على أبواب جهنم من أجايبهم إليها قذفوه فيها فقلت يا رسول الله صفهم لنا قال نعم من جلدتنا ويتكلمون بألسنتنا قلت يا رسول الله فما ترى إن أدركني ذلك قال تلزم جماعة المسلمين وإمامهم فقلت فإن لم تكن لهم جماعة ولا إمام قال فاعتزل تلك الفرق كلها ولو أن تعض على أصل شجرة حتى يدركك الموت وأنت على ذلك

Huzaifah b. Al-Yaman berkata bahawa dahulu orang ramai sering bertanya Rasulullah s.a.w mengenai kebaikan sedangkan aku bertanya mengenai kejahatan kerana takut ia akan mengenaiku. Aku lalu bertanya “Wahai Rasulullah! Kami dahulu berada dalam keadaan jahiliyah dan kejahatan, lalu Allah datangkan kebaikan (Islam) ini. Adakah setelah kebaikan ini akan ada pula kejahatan. Rasulullah s.a.w berkata “Ya.” Aku lalu berkata “Adakah setelah kejahatan itu akan ada kebaikan?” Rasulullah s.a.w berkata “Ya, tetapi ia mempunyai kekotoran.” Aku berkata “Apakah kotoran itu?” Rasulullah s.a.w berkata “Terdapat kaum yang beramal dengan bukan sunnahku, memberi petunjuk bukan dengan petunjukku. Kau (kadang-kala) membenarkan mereka dan kadang-kala mengingkari mereka.” Aku berkata “Adakah setelah kebaikan itu akan ada kejahatan?” Rasulullah s.a.w berkata “Para pendakwah di pintu-pintu neraka.....

..... Sesiapa yang mengikuti mereka, para pendakwah itu akan mencampakkan mereka ke dalam neraka.” Aku berkata “Wahai Rasulullah! Jelaskan sifat-sifat mereka kepada kami.” Rasulullah s.a.w berkata “Ya. Ia adalah kaum dari kulit kami dan berbicara dengan bahasa kami.” Aku berkata “Wahai Rasulullah! Apakah pendapat kamu jika keadaan itu muncul dalam kehidupanku?” Rasulullah s.a.w berkata “Hendaklah kau bersama dengan jemaah kaum Muslimin dan pemimpin mereka.” Aku berkata “Jika mereka tidak mempunyai jemaah atau pemimpin?” Rasulullah s.a.w berkata “Tinggalkanlah kesemua kumpulan-kumpulan itu walau pun kau harus gigit (makan) akar-akar pokok sehingga maut mendatangi kamu.” (Riwayat Muslim)

# Pengajaran Hadis

1. Mengenali kejahatan adalah sama penting dengan mengenali kebaikan.
  - kenal kebaikan, boleh amalkan
  - kenal kejahatan, boleh tinggalkan
  - seorang boleh lakukan kebaikan, tapi lakukan kejahatan juga kerana tidak tahu = bergelumang dengan kejahatan hingga menghapus kebaikan yang dilakukan
2. Berusaha untuk mengantisipasi kemungkinan masa hadapan
  - hendaklah mempunyai minda melihat jauh (forward thinking)
  - jangan sibuk dengan masalah semasa sahaja

3. Sikap sahabat yang suka cari perspektif berbeza dari orang-orang contoh yang baik
  - jangan berpada dengan perspektif dan cara yang digunakan orang ramai
  - asas bagi cara berfikiran kreatif dan di luar kotak (out of the box thinking)
  
4. Sikap ingin kenal kejahatan dan cari antidot baginya juga mengajar upaya langkah-langkah pencegahan (preemptive) dalam usaha dakwah

4. Jangan jatuh dalam dua kumpulan yang dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w dalam hadis
  - tidak mustahil niat yang menyebabkan jatuh dalam kelompok itu
  - untuk elak, contohi sahabat yang peka, tidak malu bertanya serta mahu meletakkan diri di bawah bimbingan yang berterusan oleh guru yang dipercayai

# KULIAH ZOHOR

**“Setiap Amal Baik Ada Kesan Positif”**

**Masjid Maarof | 6 Mac 2019**

Muhammad Haniff Hassan

[ismhaniff@ntu.edu.sg](mailto:ismhaniff@ntu.edu.sg) / [www.haniff.sg](http://www.haniff.sg)

# Matn (Teks) Hadis

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: " قَالَ رَجُلٌ: لَأَتَصَدَّقَنَّ بِصَدَقَةٍ، فَخَرَجَ بِصَدَقَتِهِ، فَوَضَعَهَا فِي يَدِ سَارِقٍ، فَأُضْبِحُوا يَتَحَدَّثُونَ: تُصَدِّقْ عَلَى سَارِقٍ فَقَالَ: اللَّهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ، لَأَتَصَدَّقَنَّ بِصَدَقَةٍ، فَخَرَجَ بِصَدَقَتِهِ فَوَضَعَهَا فِي يَدَيِ زَانِيَةٍ، فَأُضْبِحُوا يَتَحَدَّثُونَ: تُصَدِّقُ اللَّيْلَةَ عَلَى زَانِيَةٍ، فَقَالَ: اللَّهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ، عَلَى زَانِيَةٍ؟ لَأَتَصَدَّقَنَّ بِصَدَقَةٍ، فَخَرَجَ بِصَدَقَتِهِ، فَوَضَعَهَا فِي يَدَيِ غَنِيِّ، فَأُضْبِحُوا يَتَحَدَّثُونَ: تُصَدِّقُ عَلَى غَنِيِّ، فَقَالَ: اللَّهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ، عَلَى سَارِقٍ وَعَلَى زَانِيَةٍ وَعَلَى غَنِيِّ، فَأُتِيَ فَقِيلَ لَهُ: أَمَا صَدَقْتِكَ عَلَى سَارِقٍ فَلَعَلَّهُ أَنْ يَسْتَعِفَّ عَنْ سَرِقَتِهِ، وَأَمَا الزَّانِيَةَ فَلَعَلَّهَا أَنْ تَسْتَعِفَّ عَنْ زِنَاهَا، وَأَمَا الْغَنِيَّ فَلَعَلَّهُ يَعْتَبِرُ فَيُنْفِقُ مِمَّا أَعْطَاهُ اللَّهُ "

Abu Hurairah r.a berkata bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: Seorang berkata: Aku akan bersedekah. Lalu dia keluar membawa barang yang hendak disedekahkan. Namun barang itu kemudiannya diberikan kepada pencuri. Sehingga pada pagi hari orang ramai berbicara mengenainya: Sedekah itu diberi kepada pencuri. Maka orang itu berkata: Ya Allah segala puji untukMu. Kemudian dia berkata: Aku akan bersedekah lagi. Dia lalu keluar membawa sedekahnya. Namun sedekahnya itu jatuh ke tangan seorang perempuan pelacur. Orang ramai berkata: Semalam sedekah itu diberi kepada pelacur. Dia pun berkata: Ya Allah segala puji bagiMu ke atas penzina itu. Lalu dia berkata: Aku akan bersedekah lagi. Dia membawa sedekahnya itu, namun sedekahnya itu jatuh ke tangan seorang kaya. Orang ramai lalu berkata: Semalam sedekah itu diberikan kepada orang kaya.....

... Dia lalu berkata: Ya Allah segala puji untukMu ke atas pencuri, pezina dan si kaya itu. Tiba-tiba dia diberitahu: Adapun sedekahmu pada pencuri, mungkin kerananya telah menjadikan pencuri itu tidak mencuri dan sedekahmu kepada si pelacur, mungkin kerananya telah menjadikannya tidak berzina dan sedekahmu kepada si kaya, mungkin kerananya telah menjadikan dia suka bersedekah dari kekayaan yang diberikan Allah kepadanya. (Riwayat Al-Bukhari & Muslim)

# Pengajaran Hadis

1. Amal soleh akan mempunyai kesan yang positif walau kepada siapa ia ditujukan, asal sahaja si pelaku melakukannya dengan niat yang baik.
2. Apabila berhadapan dengan situasi yang spontan, tidak perlu berkira siapa yang menerima amal solehnya kerana ia tetap akan memberi kesan yang positif.
3. Jangan kecewa jika amal soleh gagal mengenai sasaran yang dia kehendaki, jangan putus asa dari buat amal soleh disebabkan kesilapan sasaran

4. Kemunkaran diubah bukan hanya dengan memberi nasihat atau menyatakan kesalahannya
- boleh jadi seorang pencuri mencuri bukan kerana mahu mencuri, begitu juga dengan seorang pelacur
  - tunjukkan penyelesaian atau alternatif lain dari mencuri dan melacur untuk hidup, dia akan meninggalkan perbuatan berkenaan
  - manusia yang seperti ini diselamatkan dari kemunkaran berkenaan bukan dengan mencela perbuatan itu, menasihatinya atau menghukumnya semata-mata tetapi dengan memberi alternatif lain untuk mereka menyara kehidupan

5. Jangan berputus harap dari mereka yang telah lama terjerumus dalam dosa-dosa besar dan perbuatan yang keji seperti zina, merompak dan minum arak
  - jangan abaikan mereka dari usaha dakwah kerana sudah lama dalam kejahatan
  
6. Apa yang diperkatakan oleh orang ramai tidak akan merosakkan amal soleh seseorang yang melakukannya dengan ikhlas
  - Allah taala menilai amal soleh bukan atas dasar apa orang lain kata
  
7. Jangan lupa untuk menyertakan doa dalam setiap amal soleh yang dilakukan